

# Cagamas terbit Sukuk Murabahah Komoditi RM395 juta

**KUALA LUMPUR** – Perbadanan gadai janji negara, Cagamas Berhad mengumumkan penerbitan Sukuk Murabahah Komoditi bagi satu, dua dan tiga tahun berjumlah RM395 juta.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Chung Chee Leong berkata, nota tempoh sederhana Islam itu yang boleh ditebus pada nilai penuh nominal sebaik sahaja matang itu merupakan nota tanpa cagaran syarikat, setara dengan semua nota sedia ada syarikat berkenaan.

“Ia akan disenarai dan diperdagangkan di bawah Sistem Perdagangan Sekuriti Tanpa Skrip dan hasil terbitan itu akan digunakan untuk pembelian pembiayaan Islam daripada sistem kewangan.

“Pelabur menyokong inisiatif harga memandangkan nilai perolehan kontrak mencatatkan nisbah bida lebih dua kali dan berharga kompetitif dan dikira 37 mata asas dan 50 mata asas melebihi Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) dan Sekuriti Kerajaan Malaysia,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

– Bernama